PUBLIC BANK BERHAD

lwn.

ER CHENG CHAU

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
TUAN LOW HOP BING PK
[SAMAN PEMULA NO. 24-43 TAHUN 1994]
12 SEPTEMBER 1994

AMALAN & PROSEDUR: Permohonan untuk deklarasi melalui prosiding saman pemula - Prosidur yang betul - A.15 k. 16 KMT 1980 - Samada dipatuhi - Penggunaan borang 7 KMT - Samada teratur.

AMALAN & PROSEDUR: Lelongan awam - Fee pelelong - Tuntutan fee oleh pelelong tidak mematuhi A. 59 kk. 20 & 21 KMT dan kaedah-kaedah KMT yang berkaitan - Samada fatal - Enakmen Jualan Lelong 1932 k.5 - Samada terpakai.

AMALAN & PROSEDUR: Lelongan awam - Fee pelelong - Bil tuntutan pelelong disahkan oleh Pendaftar tanpa mendengar plaintif - Samada Pendaftar bertindak diluar prinsip keadilan semulajadi - Samada keputusan Pendaftar patut dibatalkan.

PERKATAAN & ISTILAH: "taxed" - Auction Sales Enactment 1932 r. 5.

Plaintif adalah pemegang gadaian kepada satu hartanah di negeri Johor. Pada 7 Januari 1992, berikutan permohonan plaintif, Mahkamah Tinggi telah mengeluarkan perintah jualan bagi harta tersebut dan pada 31 Mac 1993, melalui satu lelongan awam yang dikendalikan oleh defendan, harta tersebut telah dijual kepada plaintif pada harga RM 12,600,000. Berdasarkan harga jualan ini plaintif membayar kepada defendan RM 67,376.30 sebagai komisen pelelong.

Pada 3 April 1993 defendan menghantar sesalinan bil kepada plaintif menuntut RM 153,599.18 sebagai komisennya. Bil ini telah diperakui oleh Penolong Kanan Pendaftar sebagai benar seperti pada 31 Mac 1993. Defendan membuat tuntutan ini berasaskan kepada baki pinjaman yang masih terhutang oleh penggadai harta tersebut seperti pada 7 Januari 1992 iaitu sebanyak RM 17,244,575.69 dan tidak kepada harga jualan lelong harta berkenaan. Menurut defendan, jualan lelong tersebut adalah jualan yang tertakluk kepada cagaran seperti mana yang disebutkan dalam kaedah-kaedah Enakmen Jualan Lelong 1932 dan oleh yang demikian beliau adalah berhak kepada tuntutannya itu.

Plaintif, yang tidak diberi notis berhubung bil di atas dan tidak didengar oleh Pendaftar sebelum bil tersebut disahkan, memohon perintah bahawa komisen RM 67,376.30 yang dibayarnya adalah memadai dan bahawa defendan tidak berhak kepada apa-apa tuntutan tambahan. Dihadapan Yang Arif Hakim defendan telah membangkitkan bantahan awal bahawa plaintif sepatutnya memulakan prosiding saman pemula ini dengan menggunakan A. 53 KMT 1980 dan bahawa penggunaan borang 7 KMT oleh plaintif di sini adalah tidak teratur. Bagaimanapun, isu penting yang timbul ialah samada Penolong Kanan Pendaftar dalam kes ini telah melanggar prinsip asasi keadilan semulajadi dan jika ya, samada keputusannya patut dibatalkan.

Diputuskan:

[1] Permohonan ini adalah untuk satu deklarasi atau penghakiman deklaratori dan oleh itu prosidur yang diikuti adalah teratur dan mematuhi peruntukan A. 15 k.16 KMT. Disamping itu, penggunaan Borang 7 bagi saman pemula ini juga tidak menjejaskan kepentingan defendan. Walaupun plaintif menggunakan Borang 7 dan tidak Borang 6 KMT, borang tersebut telah diserahkan kepada defendan yang juga diwakili oleh Peguamnya. Oleh itu tidak berlaku apa-apa prejudis terhadap defendan dalam penggunaan borang tersebut dalam prosiding ini. Dengan itu bantahan awal defendan adalah ditolak.

[2] Perkara berkaitan fee pelelong adalah terkandung dalam Kaedah 5 Enakmen Jualan Lelong (Auction Sales Enactment) 1932. Perkataan penting untuk menentukan fee pelelong di sini adalah perkataan "taxed". Perkataan "taxed" dalam kaedah tersebut adalah bermakna pentaksiran kos dengan mengikuti peruntukan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terutama A. 59 kk. 20 dan 21. Dalam kes ini fee yang dituntut oleh defendan tidak dilakukan seperti yang dikehendakki oleh A. 59 kk. 20 dan 21 tersebut. Dengan itu tuntutan tersebut adalah tidak teratur dan tidak boleh dibenarkan.

[3] Prinsip-prinsip asasi keadilan semulajadi adalah suatu prinsip yang sentiasa diamalkan oleh Mahkamah apabila kepentingan sesuatu pihak akan dipengaruhi atau diharukan oleh keputusan Mahkamah atau pun mana-mana orang yang dikehendakki bertindak secara kehakiman. Di antara prinsipnya yang penting ialah mendengar kedua-dua pihak sebelum keputusan dibuat. Penolong Kanan Pendaftar dalam kes ini jelas telah gagal mematuhi prinsip ini dan kegagalannya itu menjadi alasan yang mencukupi bagi Mahkamah membatalkan keputusannya.

[Permohonan plaintif dibenarkan].

Kes-kes yang dirujuk:

Board of Education v. Rice [1911] AC 179 p. 182 ***(diikuti)***

Ketua Pengarah Kastam v. Ho Kwan Seng [1977] 2 MLJ 152 p. 154 ***(dirujuk)***

B. Surinder Singh Kanda v. The Government of the Federation of Malaya [1962] 28 MLJ 169

Perundangan yang dirujuk:

Enakmen Penjualan Lelong 1932, k. 6(b), s. 12

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 7, k. 2(1), A. 15, r. 16, A. 53, A. 59, k. 20 & 21, A. 83.

Sumber lain yang dirujuk:

Supreme Court Practice, Chang Min Tat FJ, ms. 38, 143

Bagi pihak plaintif - Tan Hock Kim, T/n. Tan & Tan

Bagi pihak defendan - Wong Sang Eng; T/n. S. E. Wong & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Low Hop Bing, PK:

Saman pemula ini merupakan satu permohonan oleh plaintiff untuk deklarasi:-

1. Bahawa jumlah RM67,376.30 yang dibayar oleh plaintif kepada defendan sebagai komisyen pelelong berhubung dengan penjualan melalui lelong awam sekeping tanah yang dipegang di bawah dokumen hakmilik keluaran HS (D)

5192, Lot PTB 2696, dalam Mukim Bandar Maharani, dalam daerah Muar, dalam Negeri Johor, bagi jumlah RM12,600,000 pada 31 Mac 1993 melalui Mahkamah Tinggi Muar, saman pemula no. 24-38-1991 adalah merupakan penyelesaian penuh dan terakhir ke atas komisen defendan.

2. Bahawa defendan yang tersebut adalah tidak berhak mengenakan komisyen tambahan di bawah kaedah 6(b), kaedah-kaedah yang dibuat dibawah s. 12 Enakmen Penjualan Lelong 1932 berdasarkan jumlah RM17,244,575.69 yang merupakan baki pinjaman yang belum jelas yang mana penggadai masih terhutang kepada plaintif seperti pada 7 Januari 1992.

Bantahan Permulaan

Peguam yang bijaksana bagi defendan telah membangkitkan satu bantahan permulaan bahawa prosidur yang digunakan oleh plaintif dalam saman pemula ini adalah tidak teratur dan mengatakan bahawa plaintif sepatutnya memulakan prosiding dengan menggunakan A. 53 KMT 1980 untuk kebenaran mengeluarkan certiorari dan membatalkan perintah Penolong Kanan Pendaftar yang telah mengesahkan bil defendan (pelelong) tanpa memberi peluang kepada plaintif untuk didengar atau membuat representasi.

Peguam yang bijaksana bagi plaintif pula berhujah bahawa prosidur yang digunakan olehnya dalam saman pemula ini adalah teratur dan selaras dengan amalan ketara.

Setelah menghalusi hujah-hujah tersebut, saya berpendapat bahawa, dengan segala hormat kepada Peguam yang bijaksana bagi defendan, bantahan tersebut tidak mempunyai merit. Permohonan plaintif adalah untuk satu deklarasi atau penghakiman deklaratori. Aturan 15, r. 16 KMT 1980 memperuntukan bahawa:

> 16. Tiada tindakan atau prosiding lain boleh terbuka kepada bantahan atau alasan bahawa cuma satu penghakiman atau perintah deklaratori diminta dengan demikian itu, dan Mahkamah boleh membuat akuan-akuan hak mengikat sama ada atau tidak relief berbangkitan ada atau boleh dituntut.

Implikasi atau skop kaedah itu telah dijelaskan dalam **Supreme Court Practice** oleh Chang Min Tat, FJ (pada ketika itu) di ms 143 seperti berikut:

> A declaration can be resorted to to ascertain and determine the rights of parties or to determine a point of law or **in place of an order of certiorari**, (emphasis added) especially where the time to apply for the prerogative order has expired: *Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan* [1979] 1 MLJ 135 FC, *Pyx Granite Co. Ltd. v. Ministry of Housing & Local Government* [1960] AC 260; [1959] 3 All ER 1 HL(E) followed.

Peguam yang bijaksana bagi defendan telah juga mengemukakan satu lagi bantahan permulaan iaitu borang 6 dalam KMT 1980 hendaklah digunakan. Plaintif tidak menggunakan borang 6, tetapi telah menggunakan borang 7 dan ketidakpatuhan ini telah mengakibatkan prosiding ini taksah. Defendan mengatakan bahawa isu ini telah dibangkit oleh beliau dalam afidavitnya dan oleh kerana plaintif tidak menjawab kepada afidavit ini, maka plaintif hendaklah dianggap sebagai mengakui ketidakpatuhan tersebut.

Peguam yang bijaksana bagi plaintif mengatakan bahawa borang 7 yang digunakan olehnya adalah betul dan teratur.

Pada pendapat saya, di bawah A. 7, K 2(1), tiap-tiap saman pemula mestilah dalam borang 6, 7 atau 8 mengikut mana yang sesuai. Borang 6 hendaklah digunakan jika kehadiran dikehendaki dan borang 7 jika kehadiran tidak dikehendaki. Disamping itu, borang 6 adalah digunakan dalam permohonan untuk relief di bawah bidangkuasa sedia ada Mahkamah di mana tiada borang lain ditetapkan seperti pentafsiran (construction), pentadbiran dan tindakan gadaian di bawah A. 83. Borang 7 pula hanya digunakan apabila ditetapkan seperti interplider. Ini telah dijelaskan oleh Chang Min Tat, FJ (pada ketika itu) dalam Supreme Court Practice di muka surat 38 seperti berikut:

> Form 7: Used only when prescribed, e.g. interpleader, O. 17, r. 3(2); stop notice, withdrawal of, O. 50, r. 1 and r. 13(4): reciprocal enforcement of judgments, O. 67, r. 2; arbitration proceedings, O. 69, r. 3; approval of settlement by persons under disability, O. 76, r. 11; entry of satisfaction under the Bills of Sale Ordinance, O. 85, r. 2(1)(b).

Walaupun borang 7 telah digunakan oleh plaintif, ianya telah diserahkan kepada defendan yang juga diwakili oleh Peguamnya yang bijaksana. Beliau telah hadir dan membela prosiding ini. Saya tidak dapat mengesan sebarang prejudis terhadapnya dalam penggunaan borang 7 dalam prosiding ini. Oleh kerana itu, saya berpendapat bahawa bantahan ini tidak mempunyai merit dan dengan segala hormat kepada Peguam yang bijaksana bagi defendan, saya menolak bantahan beliau.

Merit Permohonan

Afidavit sokongan bagi permohonan ini adalah diikrarkan oleh Encik Mok Tai Kwee, pengurus kepada plaintif cawangan Johor Bharu, yang mengatakan bahawa:

(a) Plaintif sebagai pemegang gadaian ke atas harta yang dikenali sebagai HS (D) 5192 Lot PTB 2696, Mukim Bandar Maharani, dalam Daerah Muar, dalam Negeri Johor, telah memohon kepada Mahkamah Tinggi Muar untuk perintah jualan ke atas harta tersebut melalui Mahkamah Tinggi Muar saman pemula no. 24-38-1991 dan pada 7 Januari 1992 perintah jualan telah diberikan.

(b) Harta tersebut telah dijual melalui lelong awam pada 31 Mac 1993 selaras dengan perintah Mahkamah bagi jumlah RM12,600,000 atas tawaran yang dibuat olehnya yang mewakili bagi pihak plaintif.

(c) Defendan melalui surat bertarikh 3 April 1993 telah menghantar salinan surat beliau dan bil itu telah diperakui oleh Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamh Tinggi Muar ("Pendaftar") sebagai benar pada 31 March 1993, berjumlah RM153,599.18 sebagai komisyen dan perbelanjaan defendan (pelelong) di dalam mengendalikan lelong awam bagi harta tersebut. **Plaintif tidak mempunyai pengetahuan terdahulu ke atas bil defendan dan tidak diberi peluang untuk didengar di hadapan Pendaftar.**

(d) Plaintif percaya bahawa defendan hanya berhak untuk menuntut komisyen berdasarkan harga jualan RM12,600,000 bagi harta tersebut tetapi tidak berhak untuk membuat tuntutan tambahan komisen berdasarkan baki pinjaman yang belum jelas RM17,244,575.69 yang mana penggadai masih terhutang kepada plaintif seperti pada 7 Januari 1992.

Afidavit jawapan yang diikrarkan oleh defendan mengatakan di antara lain bahawa:

(a) Dalam pengistyiharan jualan harta bagi tanah HS(D) 5192 Lot No. PTB 2696 Mukim Maharani, Johor dan bangunan atasnya (kemudian disebutkan "harta tersebut") adalah diperuntukkan perkataan "Halangan Berdaftar: Dicagarkan kepada Public Bank Bhd." Ini menunjukkan bahawa harta tersebut adalah akan dijual tertakluk kepada cagaran tersebut.

(b) Cagaran tersebut akan dilepaskan dan pindahmilik kepada plaintif (pembeli dan penggadai juga) setelah borang 16F gadaian-gadaian pendua dan surat hak milik asal diserahkan kepada pejabat tanah untuk pendaftaran. Ini bermakna sehingga penyerahan borang 16F, jualan lelong adalah jualan tertakluk kepda cagaran. Ini adalah keadaan yang disebutkan dalam peruntukan kaedah-kaedah 6(b) dalam Kaedah-Kaedah Enakmen Jualan Lelong, Johor.

(c) Malahan dalam afidavit plaintif, satu surat defendan kepada pengurus plaintif di Kuala Lumpur, iaitu (dalam Bahasa Inggeris "After a lengthy negotiation, we mutually agreed that my commission (As stated in my bill duly certified correct by Tuan Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Muar) is to be reduced by 25% and my amended bill shall as follows:

a)	Disbursements	RM 1,294.00	
b)	Fees/Commission	RM149,337.88	
	Less 25% discount	RM 37,334.47	RM112,003.42
c)	Advertisement in newspapers		RM 2,967.30
	Total		RM116,264.72

(d) Ini bermakna kedua-dua pihak telahpun capai satu kompromi (compromise), melalui telefon (di antara defendan dan wakil plaintif Encik Eddie Chan) dan disahkan dalam surat menyurat dan ini adalah mengikat (binding) sebagai satu perjanjian secara "kompromi". Pengesahan dalam surat tersebut tidak dicatit "tanpa prejudis". Atas sebab ini, plaintif telah mungkir perjanjian secara "kompromi". Tindakan ini adalah tidak bernas dan telah diluluskan oleh atau diselesaikan dengan perjanjian secara kompromi dan perjanjian tersebut hendaklah diikuti.

Kepada pengataan defendan dalam perenggan-perenggan (c) dan (d) di atas, plaintif melalui Encik Chan Kok Kwai sebagai pengurus pentadbiran dan penyeliaan kredit, ibu pejabat plaintif, menafikannya dan menjelaskan bahawa kedudukan yang sebenarnya ialah selepas jualan lelong tersebut, plaintif telah menerima cadangan dari pihak ketiga untuk membeli harta tersebut, dan defendan telah mendapat tahu akan penjualan yang bakal dibuat itu. Beliau mengatakan bahawa beliau boleh menguruskan dengan Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Muar untuk memindahmilik harta tersebut terus kepada pihak ketiga bakal pembeli yang mana dengan itu dapat menjimatkan RM478,888 bagi duti stem berdasarkan kepada harga jualan yang sama sejumlah RM12,600,000 dan beliau telah meminta RM48,888.41 supaya dianggap sebagai komisyen tambahan. Plaintif bersetuju dengan cadangan tersebut dengan syarat penjualan kepada pihak ketiga adalah berjaya dan pindahmilik terus dibuat kepada pihak ketiga untuk menjimatkan duti stem, tetapi penjualan kepada pihak ketiga tersebut tidak berjaya dan harta tersebut telah dipindahmilik ke atas nama plaintif. Oleh itu, tiada obligasi kontrak untuk plaintif membayar defendan tambahan jumlah sebanyak RM48,888.41.

Pada pendapat saya, saraan atau fee pelelong adalah terkandung dalam kaedah 5 yang diperbuat di bawah Enakmen Jualan Lelong (Auction Sales Enactment) No.

957 of 1932 seperti berikut:

> When any property, movable or immovable, is sold by order of Court or under any law relating to the sale of distrained property by public auction through a licensed auctioneer such auctioneer shall be entitled to charge and be allowed a commission to be **taxed** (emphasis added) by the Registrar or Assitant Registrar of the Court or Magistrate, as the case may be, according to the following scale, provided that the Court ordering sale may in its discretion approve any special rate or remuneration either higher or lower than that provided in the scale:

Sales of Movable Property

Gross amount realised by sale for calculating percentage commission	**Percentage Commission**
On the first RM500 ...	7 per centum
on the excess over RM500 up to RM1,000	5 per centum
on the excess over RM1000 up to RM5000	3 per centum
on the excess over RM5000 up to RM10000	2 per centum
on the excess over RM10000 up to RM...	1 per centum

Sales of Immovable Property

Gross amount relaised by sale for calculating percentage commission	**Percentage commission**
On the first RM500 ...	4 per centum
On the excess over RM500 up to RM1000	3 per centum
On the excess over RM1000 up to RM5,000	2 per centum
On the excess over RM5000 up to RM10,000	1 per centum
On the excess over RM10000 up to RM...	1/2 per centum

Perkataan yang penting untuk menentukan saraan atau fee pelelong adalah "taxed" dan caranya untuk menentukan saraan atau fee itu.

Dalam penghakiman saya, perkataan "taxed" dalam kaedah tersebut bermakna pentaksiran kos dengan mengikuti Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980, terutama A. 59, K. 20 dan 21 yang memperuntukan bahawa:

> 20. Sesuatu pihak yang berhak kepada penetapan apa-apa kos mestilah memulakan prosiding-prosiding bagi penetapan kos-kos tersebut dengan mengemukakan di pejabat pendaftaran bil kos dan suatu salinannya berserta dengan segala kertas dan baucar yang perlu.
>
> 21(1) Jika prosiding bagi penetapan telah dimulakan dengan sewajarnya mengikut kaedah 20, maka tertakluk kepda perenggan (2) kaedah ini dan kaedah 23, Pendaftar hendaklah memberi kepada pihak yang memulakan prosiding dan kepada mana-mana pihak lain yang berhak untuk didengar dalam prosiding penetapan itu, tidak kurang daripada 7 hari notis mengenai hari dan masa yang ditetapkan untuk penetapan.
>
> (2) Sesuatu notis di bawah kaedah ini tidak perlu diberikan kepada mana-mana pihak yang belum memasukkan kehadiran atau mengambil apa-apa bahagian prosiding yang mengakibatkan prosiding penetapan itu:

Dengan syarat bahawa perenggan itu tidaklah terpakai jika perintah penetapan bagi bil kos terpakai jika perintah penetapan bagi bil kos peguamcara yang dibuat dibawah Akta Profesion Undang-Undang 1976, atas permintaan peguamcara itu, mengakibatkan prosiding penetapan itu.

Dari segala afidavit dan lampiran-lampiran kepadanya, saya mendapati fee yang dituntut oleh defendan tidak dilakukan seperti yang dikehendaki oleh A. 59, K. 20 dan 21 tersebut, dan telah bertentangan dengan prinsip-prinsip asasi keadilan semulajadi (the fundamental rules of natural justice). Walau bagaimanapun, defendan mengatakan bahawa plaintif telahpun melonggarkan (waived) kehendak-kehendak prinsip sendiri keadilan semulajadi dengan kelakuan plaintif sendiri apabila plaintif membayar sebahagian kos terhadap tuntutan defendan.

Mengenai hujah ini, saya berpendapat bahawa isu utama dan tunggal dalam permohonan ini adalah seperti berikut:

Pada 31 Mac 1993, bolehkah Penolong Pendaftar mengesahkan satu bil kos jumlah RM153,599.18 sabagai komisen dan perbelanjaan kepada pelelong (defendan) di dalam mengendalikan lelong awam bagi harta tersebut tanpa memberi notis dahulu kepada plaintif dan tanpa memberi peluang kepada plaintif untuk didengar?

Prinsip-prinsip asasi keadilan semulajadi adalah suatu-suatu prinsip yang sentiasa diamalkan dan dikekalkan oleh Mahkamah apabila kepentingan sesuatu pihak akan dipengaruhi atau diharukan (affected) oleh keputusan Mahkamah atau pun mana-mana orang yang dikehendaki bertindak secara kehakiman. Di antara satu prinsip yang penting adalah mendengar kedua-dua pihak. Prinsip ini telah dinyatakan melalui maxim Latin seperti berikut:

(a) "*audi alteram parte*" atau dengar pihak lain: dan

(b) "*Auditur al altera pars*" atau tidak sesiapa pun harus dikutuk atau dihukum tanpa didengar.

Prinsip ini telahpun disuarakan oleh Lord Loreburn awal-awal lagi pada 1911 dalam kes *Board of Education v. Rice* [1911] AC 179 at page 182 yang menjelaskan bahwa sesuatu kuasa pentadbiran:

...must act in good faith and fairly listen to both sides, for that is the duty lying upon everyone who decides anything... always giving a fair opportunity to those who are parties in the controversy for correcting or contraditing any relevant statement prejudical to their view.

Dengan adanya prinsip ini, sesuatu pihak tidak harus memulakan prosiding tanpa memberi notis kepada pihak-pihak yang terlibat yang mungkin merosakkan atau menjadikan taksah keputusan akibat daripadanya. Oleh yang demikian, kehendak prinsip ini adalah satu prinsip asasi dan ketidakpatuhan dengannya pastilah membawa padah kepada keputusan akibat daripadanya. Di bawah prinsip asal ini, kehendak yang pertama adalah bahawa mana-mana orang yang mungkin diharukan oleh sesuatu keputusan atau prosiding hendaklah diberi notis yang memadai mengenai prosiding itu supaya mereka boleh:

(a) dengan berkesan menyediakan kes mereka dan menjawab kes penentangnya, jika ada;

(b) membuat reperesentasi mereka; dan

(c) hadir dalam pendengaran atau perbicaraan

Prinsip asasi telah diiktirafkan oleh Mahkamah kami dan kegagalan dalam mengikut prinsip ini telah menjadi alasan untuk membatalkan sesuatu keputusan. Dalam *Ketua Pengarah Kastam v. Ho Kwan Seng* [1977] 2 MLJ 152 at page 154, Raja Azlan Shah, FJ (pada ketika itu) dengan tepatnya mengatakan (dalam bahasa asal):

> ... the rule of natural justice that no man may be condemned unheard should apply to every case where an individual is adversely affected by an administrative action, no matter whether it is labelled 'judicial', quasi-judicial' or 'administrative' or whether or not the enabling statute makes provision for a hearing.

Oleh yang demikian, seorang Hakim atau sesiapa yang dikehendaki menghakimi sesuatu kes atau perkara tidaklah patut mendengar kes atau perkara itu tanpa mendengar keterangan atau representasi dari satu pihak sahaja, di belakang pihak yang lain (lihat *B. Surinder Singh Kanda v. The Government of the Federation of Malaya* [1962] 28 MLJ 169).

Atas alasan ini, saya membenarkan permohonan plaintif dan membuat satu perintah seperti dipohon.